



ARKIB : 28/03/2010

Laser Rangsang Pertumbuhan Rambut

Baru-baru ini saya berpeluang menghadiri aktiviti kejiranan wanita anjuran persatuan penduduk setempat. Sungguh seronok berjumpa jiran-jiran yang prihatin dan ramah. Saya sempat menyampaikan ceramah keselamatan dan kesihatan. Di situ saya sempat bertemu dengan Hajah K yang merupakan salah seorang pelanggan klinik saya. Meskipun sudah menganjak ke usia 60-an namun dia masih lagi cantik dan menarik. Dia amat pandai menjaga penampilan. Pakaianya kemas dan sedondon membuatkan dia tampak sentiasa cantik. Hajah K ialah surirumah sepenuh masa namun penampilannya membuatkan ramai yang menyangka dia bekerja kerana wajahnya sentiasa kemas berbedak dan di bibirnya pasti menawan dengan secalit gincu. Matanya berseri digaris celak hitam.

“Memang saya pastikan wajah dan badan saya kemas sentiasa. Hal ini saya amalkan dari muda lagi doktor.

“Setiap kali bangun pagi saya membaca beberapa lembar al-Quran. Selepas solat Subuh saya berhias dulu, kemudian saya uruskan keperluan suami dan anak-anak,” katanya.

Sambil bersembang, Hajah K menarik tangan saya ke satu ruang yang agak tersorok. Dia menanggalkan tudungnya dan meminta saya melihat rambutnya. Rambutnya masih hitam lagi tetapi kelihatan amat nipis dan ada ruang kosong yang hampir botak di bahagian tengah kepala. “Inilah yang amat merisaukan saya. Masalah ni dah lama. Sejak anak-anak kecil hinggalah saya menopause,” katanya.

Saya bertanya: “Banyakkah rambut yang gugur Hajah.”
“Ada kalanya banyak juga doktor. Saya ada beli tonik rambut dan pelbagai

ubat di farmasi untuk mengatasi masalah ini. Bila saya pakai pada awalnya saya nampak rambut kurang gugur tapi sejak akhir-akhir ini terlalu banyak yang gugur sehingga saya rasa risau. Lalu saya berhenti gunakan ubat,” jawab wanita itu.

Pertumbuhan rambut biasanya melalui empat fasa utama

Fasa 1 : Rambut tumbuh dengan aktif dari akar rambut

Fasa 2 : Ia mula memanjang

Fasa 3 : Pemanjangan jadi perlahan

Fasa 4 : Tiada pemanjangan, rambut berehat dan akan gugur dengan mudah

Setiap fasa pertumbuhan memerlukan vitamin dan hormon yang berbeza bagi merangsangnya. Jika seorang wanita mempunyai hormon testosterone dan progesterone yang rendah rambut akan gugur. Paras hormon progesterone wanita selepas bersalin paras akan turun dengan banyak. Wanita yang mengalami keadaan ini akan dilanda kemurungan (Post natal blues) dan rambut gugur. Pernahkah anda mendengar perkataan gila meroyan? Sebenarnya gila meroyan adalah kemurungan selepas bersalin dan berkait rapat dengan kandungan hormon yang rendah selepas bersalin.

Semasa mengandung paras hormon meningkat dengan banyak kerana placenta menghasilkan hormon bagi kegunaan kandungan. Selepas bersalin pula paras hormon merosot kerana ketiadaan palcenta. Begitu juga bagi wanita yang menopause. Ovari menjadi tidak aktif dan tidak lagi mengeluarkan hormon yang diperlukan olehnya. Oleh kerana ketiadaan hormon wanita akan berasa keletihan, kepanasan dan moodnya akan merosot.

Hal inilah yang berlaku kepada Hajah K. Kerana itulah selepas mendapat anak beliau mula mengalami keguguran rambut dan keadaan semakin teruk selepas beliau menopause. Pada waktu ini kandungan hormon merosot dengan banyaknya. Namun sebagai seorang wanita yang tabah beliau menerima keadaan ini tanpa sebarang rungutan. Hajah K berkunjung lagi ke klinik saya. Dia mahu membuat rawatan agar rambutnya kembali tebal dan tidak gugur. Apabila membuat analisis darah saya dapati tekaan saya adalah tepat.

Saya mencadangkan penambahan hormon kepadanya dan memberikan krim progesterone dan estrogen untuk digunakan. Selain itu saya mencadangkan rawatan LLLT (Low level laser therapy). Rawatan ini mudah dan memakan masa 25 minit bagi setiap sesi. Laser yang dipancarkan berjarak gelombang 650 nm dan berupaya merangsang sel-sel rambut agar tumbuh subur.

Sel rambut merupakan sel hidup yang memerlukan tenaga dan bekalan zat makanan dari salur darah pada kulit kepala kita. Apabila salur darah menjadi sempit dan bilangan salur darah berkurangan maka rambut akan gugur dan tidak mampu bertahan lama. Apabila tenaga foton dari laser dipancarkan pada rambut, ia diambil oleh sel-sel rambut dan membolehkan sel rambut menyerap tenaga. Tenaga itu kemudian digunakan sebagai tenaga dalaman yang menumbuhkan semula pembuluh darah padanya. Hasil daripada penambahan pembuluh darah yang baru sel rambut akan mula berkembang.

Selain daripada itu saya memberikan vitamin yang kaya dengan zink dan kalsium kepada Hajah K. Selepas tiga bulan menjalani rawatan saya dapat melihat perubahan yang menakjubkan pada Hajah K. Hasil daripada penambahan hormon dan laser, bukan sahaja rambutnya ya kembali tebal

bahkan wajahnya juga kelihatan lebih muda. “Saya dapati stamina saya meningkat. Saya lambat rasa letih dan mood saya lebih baik dari biasa. “Alhamdulillah, bukan sahaja rambut saya tak gugur sekarang tapi saya dapat kesihatan yang lebih baik kini,” katanya.

Dia juga memberitahu tidak menyangka pelbagai kesan menopause yang dialaminya mampu diubati. Selaman dia juga menganggap menopause sebagai takdir dan memaksa dirinya untuk cergas dan ceria meskipun kadangkala hatinya rasa tertekan. “Saya pelik kerana tiada sebab munasabah untuk saya berasa tertekan. Agaknya itulah sebab orang sebaya saya mudah tertekan. Cepat berasa kecil hati dengan orang lain meskipun hal yang berlaku sedikit sahaja,” katanya.

Saya setuju dengan Hajah K. Seorang wanita yang mengalami simptom tertekan selepas menopause kebanyakannya menganggap gejala itu sebagai normal sedangkan ia boleh mengganggu perhubungan mesra dengan ahli keluarga yang lain. Gejala tersebut juga boleh dirawat.

“Sila share kepada kenalan anda tanpa mengubah sebarang informasi dalam artikel”



www.marissa-esthetic.com

Semenyih (HQ) : 03-87234808/013-2448484

Selangor : 03-31413729

Melaka : 06-3170412/013-3386698

Shah Alam : 019-3963678

Bandar Baru Bangi : 03-89252334

Kuantan : 017-3581619

Nilai : 012-3585949*Kelantan : 017-3581610